KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# PELAN STRATEGIK KERJA SOSIAL 2018 - 2020

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

Pelan Strategik Kerja Sosial

# 2 0 1 8 - 2 0 2 0

Jabatan Kebajikan Masyarakat

# KANDUNGAN

| | |
|---|---|
| Perutusan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat | i |
| Pengenalan | 1 |
| Latar Belakang | 2 |
| Definisi Kerja Sosial | 3 |
| Ringkasan Pelan Strategik Kerja Sosial | 4 |
| | |
| Pelan Tindakan | 15 |
| Teras Strategik 1: Pembangunan Modal Insan | 22 |
| Teras Strategik 2: Peningkatan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan | 28 |
| Teras Strategik 3: Penyelidikan dan Pembangunan | 36 |
| Teras Strategik 4: Promosi dan Advokasi | 42 |
| | |
| Penutup | 47 |

Diterbitkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Diterbitkan Oktober 2018

Hak cipta © 2018 Jabatan Kebajikan Masyarakat. Semua hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, dicetak semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, elektronik atau sebaliknya tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat yang boleh dihubungi di:

**JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**
Aras 6, 9-18, No. 55
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 PUTRAJAYA
Tel.: 03-8323 1656 / 1658
Fax: 03-8323 2048

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih terutamanya kepada Pengurusan Tertinggi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pegawai dan Kakitangan JKM, Institut Sosial Malaysia dan semua individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan Pelan Strategik Kerja Sosial, Jabatan Kebajikan Masyarakat 2018-2020.

Dicetak oleh
D'FA Print Sdn Bhd
Jalan P/21, Sek. 10, Taman Perindustrian Selaman,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor
Tel : 03-89263808
Email : dfaprint@yahoo.com.my

# PERUTUSAN
## KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT



Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera,

Ahamdulillah, bersama-sama kita memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya, Buku Pelan Strategik Kerja Sosial Jabatan Kebajikan Masyarakat 2018-2020 telah dapat disediakan. Sekalung tahniah dan syabas saya rakamkan kepada Bahagian Perancangan dan Pembangunan, Jabatan Kebajikan Masyarakat atas penyediaan buku ini.

Pembangunan Pelan Strategik Kerja Sosial JKM 2018-2020 ini adalah selaras dengan Memorandum Jemaah Menteri yang bertajuk "Meningkatkan Profesionalisme dalam Bidang Kerja Sosial di Malaysia" bertarikh 23 April 2010 dan Pelan Strategik JKM 2016-2020. Pelan Strategik Kerja Sosial JKM 2018-2020 ini mempunyai empat teras strategik yang menfokuskan kepada pembangunan modal insan, memantapkan penyampaian perkhidmatan kebajikan, meningkatkan penyelidikan dan pembangunan serta mempromosi bidang Kerja Sosial melalui advokasi.

Saya amat menghargai inisiatif penyediaan Buku Pelan Strategik Kerja Sosial JKM 2018-2020 ini dengan harapan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan dalam bidang Kerja Sosial dapat meningkatkan kesejahteraan kumpulan sasar dan masyarakat.

Akhir kata, saya ucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam membangunkan Pelan Strategik Kerja Sosial JKM 2018-2020. Diharapkan semua warga JKM bersama-sama mendokong Pelan ini sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan profesionalisme dalam bidang Kerja Sosial di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**HJ. MOHD FAZARI BIN MOHD SALLEH**
Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat
Oktober 2018

## Pengenalan

Berdasarkan Pelan Strategik JKM 2016-2020, hala tuju JKM yang pertama adalah Kerja Sosial merupakan teras dalam pembangunan profesionalisme di JKM. Selaras dengan hala tuju tersebut, Pelan Strategik Kerja Sosial JKM 2018-2020 telah diwujudkan sebagai sokongan kepada Pelan Strategik JKM 2016-2020.

Pelan Strategik Kerja Sosial JKM 2018-2020 juga dirangka berdasarkan kesinambungan Pelan Transformasi JKM 2011-2015 dan selaras dengan Dasar Nasional Negara seperti Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMK11), Pelan Strategik JKM 2016-2020 dan Memorandum Jemaah Menteri pada 23 April 2010 bertajuk “Meningkatkan Profesionalisme dalam Bidang Kerja Sosial di Malaysia”



# Latar Belakang Pelan Strategik Kerja Sosial

Pelan Strategik Kerja Sosial JKM 2018-2020 dibangunkan berdasarkan perkara yang terdapat dalam Memorandum Jemaah Menteri bertarikh 23 April 2010 bertajuk "Meningkatkan Profesionalisme dalam Bidang Kerja Sosial di Malaysia". Terdapat enam perkara yang diluluskan adalah seperti berikut:

i. Mewujudkan Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial.

ii. Kementerian Pengajian Tinggi meneliti semula kedudukan terkini Kurikulum Kursus Kerja Sosial bagi penyeragaman kurikulum pendidikan Kerja Sosial di Institusi Pengajian Tinggi Awam.

iii. Amalan Kerja Sosial dikawal selia melalui penggubalan Akta Pekerja Sosial.

iv. Majlis Profesion Kerja Sosial ditubuhkan.

v. Jabatan Perkhidmatan Awam menetapkan syarat kelayakan lantikan Pekerja Sosial dalam sektor awam manakala Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mengambil tindakan berkaitan pengambilan Pekerja Sosial dalam sektor awam yang menepati syarat kelayakan lantikan tersebut, dan

vi. Kursus di peringkat sijil dan diploma dalam bidang Kerja Sosial ditawarkan oleh Institut Sosial Malaysia.



# Definisi Kerja Sosial

Jabatan Kebajikan Masyarakat (2017) mendefinisikan Kerja Sosial sebagai "aktiviti profesional berlandaskan prinsip, nilai dan etika, pengetahuan, kemahiran dan kaedah Kerja Sosial bagi membantu individu, keluarga, kumpulan dan komuniti untuk meningkat atau mengembalikan kapasiti kefungsian sosial mereka".

Menurut *IFSW & The IASSW General Assembly* (2014), Kerja Sosial adalah "profesion berasaskan praktis dan disiplin akademik yang menggalakkan perubahan dan pembangunan sosial, perpaduan sosial, pemerkasaan dan kebebasan rakyat. Prinsip keadilan sosial, hak asasi manusia, tanggungjawab kolektif dan menghormati kepelbagaian adalah berkait dengan Kerja Sosial. Disokong oleh teori-teori Kerja Sosial, sains sosial, kemanusiaan dan pengetahuan sebenar, Kerja Sosial melibatkan manusia dan struktur untuk menangani cabaran kehidupan dan meningkatkan kesejahteraan".

Persatuan Pekerja Sosial Malaysia [MASW] (2011) pula mendefinisikan Kerja Sosial adalah "satu profesion yang dipandu oleh suatu badan pengetahuan, nilai-nilai dan kemahiran dengan menggunakan pendekatan  bio-psikososial, untuk memudahcarakan kefungsian sosial individu, keluarga, kumpulan dan komuniti secara optimum. Pekerja Sosial menegakkan suatu kod etika dan tata kelakuan yang berasaskan kepada nilai-nilai hak kemanusiaan dan keadilan sosial. Profesion Kerja Sosial juga menyumbang kepada pembangunan dan perubahan sosial melalui peningkatan dasar sosial, perundangan, program dan perkhidmatan yang bersesuaian dengan keperluan penduduk Malaysia yang beraneka sosio-budaya untuk menikmati taraf kehidupan yang lebih baik.



# Ringkasan Pelan Strategik Kerja Sosial JKM
## 2 0 1 8 - 2 0 2 0

# TERAS STRATEGIK 1 :
## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### STRATEGI 1
**Meningkatkan kompetensi kakitangan melalui latihan bidang Kerja Sosial.**

### STRATEGI 2
**Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan dalam bidang Kerja Sosial melalui pendidikan.**

### STRATEGI 3
**Pengiktirafan latihan dan pakar bidang (SME) Kerja Sosial.**

### STRATEGI 4
**Mewujudkan pangkalan data Pekerja Sosial.**

# TERAS STRATEGIK 1 : PEMBANGUNAN MODAL INSAN

## STRATEGI 1

**Meningkatkan Kompetensi Kakitangan Melalui Latihan Bidang Kerja Sosial.**

### OBJEKTIF:

1. Meningkatkan bilangan kakitangan yang menghadiri latihan bidang Kerja Sosial.
2. Meningkatkan bilangan latihan dalam bidang Kerja Sosial.



## STRATEGI 2

**Meningkatkan Pengetahuan Dan Kemahiran Kakitangan Dalam Bidang Kerja Sosial Melalui Pendidikan.**

### OBJEKTIF:

1. Meningkatkan bilangan kakitangan yang mengikuti pendidikan bidang Kerja Sosial.
2. Meningkatkan jalinan kerjasama strategik dengan IPT dalam pelaksanaan program Kerja Sosial.



## STRATEGI 3
### Pengiktirafan Latihan Dan Pakar Bidang (SME) Kerja Sosial.

### OBJEKTIF:

1. Mengiktiraf latihan dalam bidang Kerja Sosial anjuran KPWKM dan agensi di bawahnya.
2. Meningkatkan bilangan pakar bidang (SME) Kerja Sosial yang diiktiraf.




## STRATEGI 4
### Mewujudkan Pangkalan Data Pekerja Sosial.

### OBJEKTIF:

1. Mewujudkan sistem pangkalan data Pekerja Sosial.
2. Menyediakan profil Pekerja Sosial.



# TERAS STRATEGIK 2 :

## PENINGKATAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

### STRATEGI 1
Penggubalan RUU Profesion Kerja Sosial dan Peraturan-Peraturan yang berkaitan

### STRATEGI 2
Penubuhan Majlis Profesion Kerja Sosial Malaysia

### STRATEGI 3
Menyebarluas Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial.

### STRATEGI 4
Pemadanan Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial (CMS) dengan *Standard Operating Procedures (SOP)* sedia ada.

# TERAS STRATEGIK 2 : PENINGKATAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

## STRATEGI 1

### Penggubalan RUU Profesion Kerja Sosial dan Peraturan-Peraturan yang berkaitan

**OBJEKTIF:**

1. Menyediakan asas perundangan bagi mengawal selia praktis Pekerja Sosial.
2. Meningkatkan kompetensi dan profesionalisme Pekerja Sosial.
3. Meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan JKM.




## STRATEGI 2

### Penubuhan Majlis Profesion Kerja Sosial Malaysia

**OBJEKTIF:**

1. Membentuk satu badan untuk mengawal selia profesion Pekerja Sosial.
2. Mengenalpasti peranan Majlis Profesion Kerja Sosial Malaysia dalam memantau praktis Pekerja Sosial.



# STRATEGI 3

**Menyebarluas Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial.**

## OBJEKTIF:

1. Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman kakitangan JKM terhadap Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial
2. Mempelbagaikan kaedah penyampaian piawaian kompetensi kebangsaan praktis Kerja Sosial.




# STRATEGI 4

**Pemadanan Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial (CMS) dengan *Standard Operating Procedures (SOP)* sedia ada.**

## OBJEKTIF:

1. Memadankan Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial (CMS) dengan SOP sedia ada di JKM.
2. Menerapkan elemen Kerja Sosial dalam SOP sedia ada di JKM.



# TERAS STRATEGIK 3
## PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

### STRATEGI 1
Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang Kerja Sosial.

### STRATEGI 2
Memantapkan mekanisma penilaian terhadap usaha-usaha meningkatkan profesionalisme bidang Kerja Sosial.

# TERAS STRATEGIK 3 : PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

## STRATEGI 1

**Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang Kerja Sosial.**

### OBJEKTIF:

1. Menjalankan kajian ilmiah dalam bidang Kerja Sosial.
2. Meningkatkan pengumpulan maklumat mengenai kajian ilmiah bidang Kerja Sosial di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
3. Menyediakan sumber rujukan kepada warga kerja JKM untuk meningkatkan kompetensi dalam bidang Kerja Sosial.
4. Membina jaringan kepakaran *subject matter expert* untuk konsultasi dengan Institusi Pengajian Tinggi.




## STRATEGI 2

**Memantapkan mekanisma penilaian terhadap usaha-usaha meningkatkan profesionalisme bidang Kerja Sosial.**

### OBJEKTIF:

1. Menilai keberkesanan program dan aktiviti dalam bidang Kerja Sosial di peringkat jabatan.
2. Membangunkan instrumen penilaian untuk mengukur tahap kompetensi Pekerja Sosial.



# TERAS STRATEGIK 4
## PROMOSI DAN ADVOKASI

### STRATEGI 1
**Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap usaha-usaha meningkatkan profesionalisme bidang Kerja Sosial.**

### STRATEGI 2
**Mengukuhkan jaringan kerjasama multi sektoral dalam bidang Kerja Sosial.**

# TERAS STRATEGI 4 : PROMOSI DAN ADVOKASI

## STRATEGI 1

**Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap usaha-usaha meningkatkan profesionalisme bidang Kerja Sosial.**

### OBJEKTIF:

1. Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bidang Kerja Sosial sebagai satu bidang profesional.
2. Meningkatkan kesedaran pemegang taruh tentang bidang Kerja Sosial sebagai satu bidang profesional.



## STRATEGI 2

**Mengukuhkan jaringan kerjasama multi sektoral dalam bidang Kerja Sosial.**

### OBJEKTIF:

1. Meningkatkan jaringan kerjasama multi sektoral dalam usaha mempromosi dan advokasi bidang Kerja Sosial.
2. Memperluaskan pelaksanaan praktis Kerja Sosial di peringkat multisektor.



# Pelan Tindakan
## 2 0 1 8 - 2 0 2 0

# TERAS STRATEGIK I

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

# STRATEGI 1

## MENINGKATKAN KOMPETENSI KAKITANGAN MELALUI LATIHAN BIDANG KERJA SOSIAL

**OBJEKTIF:**

1. Meningkatkan bilangan kakitangan yang menghadiri latihan bidang Kerja Sosial.
2. Meningkatkan bilangan latihan berakreditasi dalam bidang Kerja Sosial.

**TERAS STRATEGIK I : PEMBANGUNAN MODAL INSAN**

**STRATEGI 1** : Meningkatkan kompetensi kakitangan melalui latihan bidang Kerja Sosial.

| BIL | PROGRAM/AKTIVITI | KETERANGAN PROGRAM | KPI | | *OUTCOME* | TAHUN SASARAN | TANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | INDIKATOR | SASARAN | | | |
| **1.** | **Melaksanakan *Training Needs Analysis* (TNA) untuk perancangan kursus kerja sosial** | | | | | | |
| | i. Bengkel *Training Needs Analysis* (TNA). | Menyediakan analisis keperluan dalam merancang latihan Kerja Sosial.<br><br>Mengkaji semula latihan sedia ada.<br><br>Merancang kerangka latihan Kerja Sosial. | Bilangan Bengkel<br><br>Bilangan Matriks | 2 Bengkel<br><br>1 Laporan TNA<br>1 Pelan Latihan | Melaksanakan latihan Kerja Sosial mengikut keperluan. | 2018 - 2019 | ▪ P<br>▪ PP |
| | ii. Kursus Pelaksanaan *Training Needs Analysis* (TNA) Kerja Sosial. | Memberi kefahaman kepada pelaksana dan penyelia latihan berkenaan TNA | Bilangan Bengkel | 2 Kursus | Meningkatkan kefahaman kepada perancang, penyelaras dan pelaksana latihan Kerja Sosial | 2018 - 2019 | ▪ P<br>▪ PP |
| **2.** | **Latihan Bidang Kerja Sosial** | | | | | | |
| | i. Kursus Kompetensi Praktis Kerja Sosial | Melaksanakan Kursus Kompetensi Praktis Kerja Sosial | Bil. Siri Kursus<br><br>Bil. Pegawai / kakitangan | 12 Siri Kursus<br><br>360 Orang (120 orang setahun) | Meningkatkan pengetahuan pegawai dan kakitangan mengenai kompetensi praktis Kerja Sosial. | 2018 – 2020 | ▪ ISM<br>▪ P<br>▪ PP |

## TERAS STRATEGIK I : PEMBANGUNAN MODAL INSAN

**STRATEGI 1** : Meningkatkan kompetensi kakitangan melalui latihan bidang Kerja Sosial.

| BIL | PROGRAM/AKTIVITI | KETERANGAN PROGRAM | KPI | | *OUTCOME* | TAHUN SASARAN | TANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | INDIKATOR | SASARAN | | | |
| | ii. Kursus Asas Penyeliaan dalam Konteks Kerja Sosial di Organisasi | Melaksanakan Kursus Penyeliaan dalam Konteks Kerja Sosial di Organisasi | Bil. Siri Kursus<br><br>Bil. Pegawai / kakitangan | 6 Siri Kursus<br><br>180 orang<br><br>30 orang satu siri | Meningkatkan pengetahuan pegawai dan kakitangan dalam penyeliaan bidang Kerja Sosial. | 2018 – 2020 | ▪ ISM<br>▪ P<br>▪ PP |
| | iii. Kursus *Professional Accountablity Practise (PAP) Model* | Melaksanakan Kursus *Professional Accountability Practise (PAP)Model* | Bil. Siri Kursus<br><br>Bil. Pegawai / kakitangan | 6 Siri Kursus<br><br>180 orang<br><br>30 orang satu siri | Meningkatkan pengetahuan pegawai dan kakitangan dalam PAP Model | 2018 – 2020 | ▪ ISM<br>▪ P<br>▪ PP |
| | iv. Kursus Pengenalan Kerja Sosial | Melaksanakan Kursus Praktis Kerja Sosial (KPKS) | Bil. Siri Kursus<br><br>Bil. Pegawai / kakitangan | 3 Siri Kursus<br><br>90 Orang (30 orang setahun) | Meningkatkan pengetahuan pegawai dan kakitangan dalam praktis Kerja Sosial. | 2018 – 2020 | ▪ ISM<br>▪ P<br>▪ PP |
| | v. Kursus Teori-Teori Kerja Sosial | Melaksanakan Kursus Teori-Teori Kerja Sosial | Bil. Siri Kursus<br><br>Bil. Pegawai / kakitangan | 3 Siri Kursus<br><br>90 Orang (30 orang setahun) | Meningkatkan pengetahuan pegawai dan kakitangan dalam teori Kerja Sosial. | 2018 – 2020 | ▪ ISM<br>▪ P<br>▪ PP |
| | vi. Kursus Sijil Eksekutif Praktis Kerja Sosial (SPEC) | Kerjasama strategik dengan UUM | Bil. Siri Kursus<br><br>Bil. Pegawai / kakitangan | 6 Kohort Kursus<br><br>180 orang | Meningkatkan pengetahuan kakitangan dalam praktis Kerja Sosial. | 2018 – 2020 | ▪ P<br>▪ PP |

## TERAS STRATEGIK I : PEMBANGUNAN MODAL INSAN

**STRATEGI 1** : Meningkatkan kompetensi kakitangan melalui latihan bidang Kerja Sosial.

| BIL | PROGRAM/AKTIVITI | KETERANGAN PROGRAM | KPI | | *OUTCOME* | TAHUN SASARAN | TANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | INDIKATOR | SASARAN | | | |
| | vii. Kursus *Training of Trainers (TOT)* dalam bidang Kerja Sosial. | Melaksanakan Kursus TOT dalam pelbagai bidang pengkhususan. | Bil. Siri Kursus<br><br>Bil. Pegawai / kakitangan | 3 Siri Kursus<br><br>60 Orang (20 Orang satu siri) | Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai sebagai tenaga pengajar.<br><br>Meningkatkan kriteria pakar bidang (SME) Kerja Sosial. | 2018 – 2020 | ▪ ISM<br>▪ P<br>▪ PP |
| | viii. Pembangunan Kapasiti Pengurusan Kes Kerja Sosial kepada Pengurus Kes Projek 2 *Years Exit Programme* (2YEP) | Latihan TOT kepada pengurus kes projek 2YEP | Bil. Siri Kursus<br><br>Bil. Pegawai / kakitangan | 5 Siri<br><br>150 Orang | Meningkatkan kompetensi praktis Kerja Sosial kepada pengurus kes projek 2YEP. | 2018 | ▪ KP<br>▪ PP |
| | ix. Latihan bidang kerja sosial dalam talian – EPSA | Meningkatkan bilangan kursus dalam talian (online) bagi Kursus Kompetensi Praktis Kerja Sosial | Bil. Kursus<br><br>Bil. Pegawai / kakitangan | 6 Kursus<br><br>180 Orang | Meningkatkan kompetensi pegawai dan kakitangan dalam bidang Kerja Sosial. | 2018 - 2020 | ▪ ISM<br>▪ P<br>▪ PP |
| **3.** | **Mengintegrasikan Elemen Kerja Sosial dalam Kursus Jabatan** | | | | | | |
| | i. Memasukkan slot Kerja Sosial dalam Program Transformasi Minda (PTM) | Pendedahan pengetahuan asas mengenai Kerja Sosial kepada peserta. | Bilangan slot | 1 slot | Meningkatkan pengetahuan pegawai dan kakitangan dalam bidang Kerja Sosial. | 2018 | ▪ P<br>▪ PP |

**TERAS STRATEGIK I : PEMBANGUNAN MODAL INSAN**

**STRATEGI 1** : Meningkatkan kompetensi kakitangan melalui latihan bidang Kerja Sosial.

| BIL | PROGRAM/AKTIVITI | KETERANGAN PROGRAM | KPI | | *OUTCOME* | TAHUN SASARAN | TANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | INDIKATOR | SASARAN | | | |
| | ii. Memasukkan slot Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial dalam Kursus:<br>a. Piawaian Kompetensi Kerja Sosial.<br>b. Kursus Praktis Kerja Sosial. | Membuat penambahbaikan Modul Kursus. | Bil. Perbincangan | 1 Perbincangan | Meningkatkan pengetahuan pegawai dan kakitangan mengenai sistem pengurusan kes Kerja Sosial. | 2018 | ▪ P<br>▪ PP |
| | iii. Menerapkan nilai murni melalui prinsip dan etika kerja sosial dalam latihan jabatan. | Prinsip dan etika kerja sosial menjadi pegangan kepada warga JKM dalam memastikan penyampaian perkhidmatan menepati prosedur dan perundangan yang telah ditetapkan. | Bilangan Kursus | 9 jenis latihan | Meningkatkan tahap integriti warga JKM. | 2018 – 2020 | ▪ P<br>▪ PP |

**TERAS STRATEGIK I : PEMBANGUNAN MODAL INSAN**

**STRATEGI 1** : Meningkatkan kompetensi kakitangan melalui latihan bidang Kerja Sosial.

| BIL | PROGRAM/AKTIVITI | KETERANGAN PROGRAM | KPI | | OUTCOME | TAHUN SASARAN | TANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | INDIKATOR | SASARAN | | | |
| **4.** | **Program Penyeliaan Kerja Sosial** | | | | | | |
| | i. Penyediaan Modul Latihan Penyeliaan Kerja Sosial | Berdasarkan elemen:<br>i. Kod Etika Pekerja JKM<br>ii. Penyeliaan Kerja Sosial<br>iii. CMS Kerja Sosial<br>iv. Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial | Bilangan modul | 1 Modul | Meningkatkan kompetensi kakitangan dalam bidang Kerja Sosial melalui latihan lanjutan.<br><br>Meningkatkan bilangan kakitangan yang mempunyai kompetensi praktis Kerja Sosial. | 2018 - 2019 | ▪ P<br>▪ PP |
| | ii. Pelaksanaan Program Penyeliaan Kerja Sosial | Penyelia terdiri daripada pegawai yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam bidang Kerja Sosial. | Bilangan Penyelia dan Kakitangan<br><br>Bilangan kakitangan | 1 Penyelia : 5 Pelatih<br><br>20 Penyelia : 100 Kakitangan Setahun | Meningkatkan bilangan kakitangan yang mempunyai kompetensi praktis Kerja Sosial. | 2019 - 2020 | ▪ P<br>▪ PP |
| | iii. Melaksanakan Persidangan Kes | Menerapkan elemen Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial. | Bilangan persidangan. | 2 Persidangan Setahun | Meningkatkan kemahiran pengurusan kes dan menghasilkan laporan yang berkualiti | 2019 - 2020 | ▪ P<br>▪ PP |

# TERAS STRATEGIK I

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

## STRATEGI 2

## MENINGKATKAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN KAKITANGAN DALAM BIDANG KERJA SOSIAL MELALUI PENDIDIKAN

**OBJEKTIF:**

1. Meningkatkan bilangan kakitangan yang mengikuti pendidikan bidang Kerja Sosial.
2. Meningkatkan jalinan kerjasama strategik dengan IPT dalam pelaksanaan program Kerja Sosial.

**TERAS STRATEGIK I** : PEMBANGUNAN MODAL INSAN

**STRATEGI 2** : Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan dalam bidang Kerja Sosial melalui pendidikan.

| BIL | PROGRAM/AKTIVITI | KETERANGAN PROGRAM | KPI | | *OUTCOME* | TAHUN SASARAN | TANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | INDIKATOR | SASARAN | | | |
| 1. | Menggalakkan Pegawai dan Kakitangan Mengikuti Pendidikan dalam Bidang Pengajian Kerja Sosial | | | | | | |
| | i. Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) | Mencalonkan peserta HLP dalam Bidang Kerja Sosial. | Bil. Pegawai | 2 Pegawai Setahun | Meningkatkan kompetensi pegawai dalam bidang Kerja Sosial. | 2018 – 2020 | ▪ P<br>▪ PP |
| | ii. Diploma Pasca Siswazah Kerja Sosial (DPSKS ). | Kerjasama strategik dengan ISM & UKM. | Bil. Pegawai / kakitangan | 75 Orang (25 orang setahun) | Meningkatkan kompetensi pegawai dan kakitangan dalam bidang Kerja Sosial. | 2018 – 2020 | ▪ ISM<br>▪ P<br>▪ PP |
| | iii. Sarjana Kerja Sosial | Kerjasama strategik dengan IPTA.<br><br>Program Separuh Masa. | Bil. Pegawai | 10 orang setahun | Meningkatkan kompetensi pegawai dalam bidang Kerja Sosial. | 2019 – 2020 | ▪ ISM<br>▪ P<br>▪ PP |

# TERAS STRATEGIK I

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

## STRATEGI 3

## PENGIKTIRAFAN LATIHAN DAN PAKAR BIDANG (SME) KERJA SOSIAL

**OBJEKTIF:**

1. Mengiktiraf latihan dalam bidang Kerja Sosial anjuran KPWKM dan agensi di bawahnya.
2. Meningkatkan bilangan pakar bidang (SME) Kerja Sosial yang diiktiraf.

## TERAS STRATEGIK I : PEMBANGUNAN MODAL INSAN

**STRATEGI 3** : Pengiktirafan Latihan Dan Pakar Bidang (SME) Kerja Sosial.

| BIL | PROGRAM/AKTIVITI | KETERANGAN PROGRAM | KPI | | *OUTCOME* | TAHUN SASARAN | TANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | INDIKATOR | SASARAN | | | |
| 1. | Menubuhkan Jawatankuasa Pengiktirafan Latihan dan Bidang Kerja Sosial | Suatu badan formal untuk menilai dan mengiktiraf latihan bidang Kerja Sosial. | Bil. Jawatankuasa | 1 Jawatankuasa | Program/latihan dalam bidang Kerja Sosial mendapat pengiktirafan. | 2018 | ▪ PP |
| 2. | Mengiktiraf program/ latihan yang berkaitan bidang Kerja Sosial anjuran KPWKM dan agensi di bawahnya. | Suatu badan formal untuk menilai dan mengiktiraf program/ latihan bidang Kerja Sosial. | Bil. Kursus | 10 Kursus | Penetapan kriteria kelayakan untuk pendaftaran pekerja sosial, pewartaan dan pengiktirafan kompetensi. | 2018 – 2020 | ▪ PP |
| 3. | Mengiktiraf tenaga pengajar bagi latihan Kerja Sosial anjuran JKM/ISM/JPK. | Suatu badan formal untuk menilai dan mengiktiraf tenaga pengajar bidang Kerja Sosial. | Bil. Tenaga Pengajar | 90 Orang | Tenaga pengajar yang kompeten dan diiktiraf.<br><br>Penambahan bilangan kursus dan pegawai menerima latihan. | 2018 - 2020 | ▪ PP |
| 4. | Mengiktiraf pakar bidang (SME) Kerja Sosial. | Suatu badan formal untuk menilai dan mengiktiraf pakar bidang (SME) Kerja Sosial | Bil. SME | 6 Orang | Pegawai yang kompeten dalam bidang Kerja Sosial. | 2018 - 2020 | ▪ PP |

# TERAS STRATEGIK I

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

## STRATEGI 4

## MEWUJUDKAN PENGKALAN DATA PEKERJA SOSIAL

**OBJEKTIF:**

1. Mewujudkan sistem pangkalan data Pekerja Sosial.
2. Menyediakan profil Pekerja Sosial.

## TERAS STRATEGIK I : PEMBANGUNAN MODAL INSAN
### STRATEGI 4 : Mewujudkan Pangkalan Data Pekerja Sosial

| BIL | PROGRAM/AKTIVITI | KETERANGAN PROGRAM | KPI | | *OUTCOME* | TAHUN SASARAN | TANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | INDIKATOR | SASARAN | | | |
| 1. | Menyediakan profil kakitangan yang mempunyai kelayakan bidang Kerja Sosial. | Profil Pekerja Sosial dan Profil Pekerja Sosial Bersekutu | Bil. Profil | 2 Profil | Rujukan dalam proses pendaftaran pekerja sosial. | 2018 – 2018 | ▪ PP<br>▪ P |
| 2. | Kerjasama strategik dengan JPA dalam membangunkan modul pangkalan data pekerja sosial dalam HRMIS | Membangunkan modul pangkalan data pekerja sosial dalam HRMIS | Bil. Modul | 1 Modul | Meningkatkan kecekapan pengurusan maklumat pekerja sosial. | 2018 – 2019 | ▪ PP<br>▪ P<br>▪ BPM |

# TERAS STRATEGIK 2

## PENINGKATAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

## STRATEGI 1

## PENGGUBALAN RUU PROFESION KERJA SOSIAL DAN PERATURAN-PERATURAN YANG BERKAITAN

**OBJEKTIF:**

1. Menyediakan asas perundangan bagi mengawal selia praktis Pekerja Sosial.
2. Meningkatkan kompetensi dan profesionalisme Pekerja Sosial.
3. Meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan JKM.

## TERAS STRATEGIK 2 : PENINGKATAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

### STRATEGI 1 : Penggubalan RUU Profesion Kerja Sosial Dan Peraturan-Peraturan Yang Berkaitan

| BIL. | PROGRAM/AKTIVITI | KETERANGAN PROGRAM | KPI | | *OUTCOME* | TAHUN SASARAN | TANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | INDIKATOR | SASARAN | | | |
| 1. | Penggubalan RUU Profesion Kerja Sosial. | Persediaan Akta Profesion Kerja Sosial. | Bil. Akta | 1 Akta Profesion Kerja Sosial | Asas perundangan bagi mengawal selia praktis pekerja sosial. | 2018 – 2018 | ▪ DHA<br>▪ PP<br>▪ PPSM |
| 2. | Penyediaan Peraturan-Peraturan Kerja Sosial | | | | | | |
| | i. Peraturan Pendaftaran Dan Perlesenan | Persediaan Akta Profesion Kerja Sosial. | Bil. Peraturan | 1 Peraturan | Mengawal selia praktis pekerja sosial. | 2018 | ▪ DHA<br>▪ PP<br>▪ PPSM |
| | ii. Peraturan Disiplin Pekerja Sosial. | Persediaan Akta Profesion Kerja Sosial. | Bil. Peraturan | 1 Peraturan | Mengawal selia praktis pekerja sosial. | 2018 | ▪ DHA<br>▪ PP<br>▪ PPSM |
| | iii. Peraturan Pembangunan Profesionalisme Pekerja Sosial | Persediaan Akta Profesion Kerja Sosial. | Bil. Peraturan | 1 Peraturan | Meningkatkan profesionalisme bidang Kerja Sosial | 2018 | ▪ DHA<br>▪ PP<br>▪ PPSM |
| | iv. Peraturan Fi dan Caj Profesional. | Persediaan Akta Profesion Kerja Sosial. | Bil. Peraturan | 1 Peraturan | Mengawal selia praktis pekerja sosial. | 2018 | ▪ DHA<br>▪ PP<br>▪ PPSM |

# TERAS STRATEGIK 2

## PENINGKATAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

## STRATEGI 2

## PENUBUHAN MAJLIS KERJA SOSIAL MALAYSIA

### OBJEKTIF:

1. Membentuk satu badan untuk mengawal selia profesion Pekerja Sosial.
2. Mengenalpasti peranan Majlis Kerja Sosial Malaysia dalam memantau praktis Pekerja Sosial.

## TERAS STRATEGIK 2 : PENINGKATAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

**STRATEGI 2** : Majlis Profesion Kerja Sosial Malaysia(MKSM)

| BIL. | PROGRAM/AKTIVITI | KETERANGAN PROGRAM | KPI | | *OUTCOME* | TAHUN SASARAN | TANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | INDIKATOR | SASARAN | | | |
| **1.** | **Menubuhkan Majlis Kerja Sosial Malaysia (MKSM)** | | | | | | |
| | i. Menyediakan kertas cadangan penubuhan Majlis Kerja Sosial Malaysia(MKSM) | Kertas cadangan disediakan untuk persediaan MJM. | Bil. Kertas cadangan | 1 Kertas cadangan | Asas penubuhan MKSM dipersetujui. | 2018-2019 | ▪ DHA<br>▪ PP<br>▪ PPSM |
| | ii. Menyediakan perlembagaan / peranan Majlis Kerja Sosial Malaysia(MKSM) | Menyediakan asas penubuhan MKSM. | Bil. Perlembagaan/ peranan | 1 Perlembagaan / peranan | Perlembagaan dapat digunapakai. | 2018-2019 | ▪ DHA<br>▪ PP<br>▪ PPSM |
| | iii. Menubuhkan Sekretariat Majlis Kerja Sosial Malaysia(MKSM) | Menyediakan asas penubuhan MKSM. | Bil. Sekretariat | 1 Sekretariat | Sekretariat dapat menjalankan fungsi yang dipersetujui. | 2018-2019 | ▪ DHA<br>▪ PP<br>▪ PPSM |

# TERAS STRATEGIK 2

## PENINGKATAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

## STRATEGI 3

## MENYEBARLUASKAN PIAWAIAN KOMPETENSI KEBANGSAAN PRAKTIS KERJA SOSIAL

**OBJEKTIF:**

1. Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman kakitangan JKM terhadap Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial.
2. Mempelbagaikan kaedah penyampaian Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial

## TERAS STRATEGIK 2 : PENINGKATAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

**STRATEGI 3** : Menyebarluaskan Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial.

| BIL. | PROGRAM/AKTIVITI | KETERANGAN PROGRAM | KPI | | *OUTCOME* | TAHUN SASARAN | TANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | INDIKATOR | SASARAN | | | |
| 1. | Melaksanakan bengkel penyediaan material bagi menyebarluas Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial. | Penyusunan dokumentasi bagi tujuan penyebarluasan. | Bil. Bengkel | 2 Bengkel | Material Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial disediakan. | 2018 | ▪ PP<br>▪ PPSM<br>▪ ISM |
| 2. | Menyebarluaskan Material Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial kepada kakitangan jabatan. | Meningkatkan kebolehcapaian Material Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial kepada kakitangan. | Bil. Kaedah | 7 Kaedah<br>i. Web site<br>ii. Surat rasmi.<br>iii. Taklimat.<br>iv. Roadshow<br>v. Media Sosial<br>vi. Latihan Dalam Talian<br>vii. Program Advokasi | Meningkatkan kompetensi kakitangan jabatan dalam melaksanakan praktis Kerja Sosial. | 2018-2019 | ▪ PP<br>▪ DHA<br>▪ ISM |

# TERAS STRATEGIK 2

## PENINGKATAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

## STRATEGI 4

## PEMADANAN SISTEM PENGURUSAN KES KERJA SOSIAL (CMS) DENGAN *STANDARD OPERATING PROCEDURES* (SOP) SEDIA ADA DI JKM.

### OBJEKTIF:

1. Memadankan Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial (CMS) dengan SOP sedia ada di JKM.
2. Menerapkan elemen Kerja Sosial dalam SOP sedia ada di JKM.

**TERAS STRATEGIK 2 : PENINGKATAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN**

**STRATEGI 4** : Pemadanan Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial (CMS) dengan *Standard Operating Procedures (SOP)* sedia ada di JKM.

| BIL. | PROGRAM/AKTIVITI | KETERANGAN PROGRAM | KPI | | OUTCOME | TAHUN SASARAN | TANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | INDIKATOR | SASARAN | | | |
| 1. | Bengkel pemadanan Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial (CMS) dengan Standard Operating Procedures (SOP) sedia ada JKM. | Keutamaan kepada Perkhidmatan Bantuan dan Perkhidmatan Kanak-Kanak. | Bil. Bengkel | 4 Bengkel | SOP sedia ada JKM dipadankan dengan Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial (CMS). | 2018-2019 | ▪ PP<br>▪ KP<br>▪ KK<br>▪ KS |
| 2. | Semakan SOP yang telah dipadankan dengan Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial (CMS). | Semakan semula SOP yang telah dibangunkan. | Bil. Mesyuarat | 2 Mesyuarat | SOP diterima. | 2019-2020 | ▪ PP<br>▪ KP<br>▪ KK<br>▪ KS |

# TERAS STRATEGIK 3

## PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

## STRATEGI 1

## MENINGKATKAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DALAM BIDANG KERJA SOSIAL.

### OBJEKTIF:

1. Menjalankan kajian ilmiah dalam bidang Kerja Sosial.
2. Meningkatkan pengumpulan maklumat mengenai kajian ilmiah dalam bidang Kerja Sosial di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
3. Menyediakan sumber rujukan kepada warga kerja JKM untuk meningkatkan kompetensi dalam bidang Kerja Sosial;
4. Membina jaringan kepakaran *subject matter expert* melalui konsultasi dengan institusi pengajian tinggi.

## TERAS STRATEGIK 3 : PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

**STRATEGI 1** : Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang Kerja Sosial.

| BIL | PROGRAM/AKTIVITI | KETERANGAN PROGRAM | KPI | | *OUTCOME* | TAHUN SASARAN | TANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | INDIKATOR | SASARAN | | | |
| 1. | Menubuhkan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Kebajikan Masyarakat di Kuala Kubu Bharu. | Entiti R&D peringkat jabatan diwujudkan.<br><br>Penyelidikan dan penulisan akademik dalam bidang Kerja Sosial.<br><br>Menerbitkan artikel akademik dalam bidang Kerja Sosial.<br><br>Kolaborasi dengan industri dan sinergi multisektoral. | Bil. Pusat | 1 Pusat penyelidikan | Penyelidikan, peningkatan akademik dan perkongsian ilmu dibudayakan dalam kalangan warga kerja JKM.<br><br>Kompetensi Kerja Sosial warga jabatan ditingkatkan. | 2018 | ▪ PP<br>▪ P |
| 2. | Menaiktaraf Jurnal Kebajikan yang sedia ada kepada satu jurnal yang berimpak tinggi yang diperakukan oleh Pusat Sitasi Malaysia dan menerbitkan hasil penyelidikan ke dalam jurnal *flagship.* | Menjalin kerjasama dengan Pusat Sitasi Malaysia dalam memperakukan penyelidikan ilmiah yang berkualiti.<br><br>Menerbitkan hasil penyelidikan ke dalam jurnal berimpak tinggi (seperti ISI/ SCOPUS/ Jurnal Berwasit). | Bil. Penerbitan | 1 kali setahun | Menghasilkan sumber rujukan penyelidikan yang bernilai tinggi.<br><br>Menghasilkan dapatan baru untuk diaplikasikan dan menjadi sumber rujukan dalam bidang Kerja Sosial. | 2018-2020 | ▪ KS<br>▪ PP |
| 3. | Penerbitan artikel dalam bidang Kerja Sosial | Artikel termasuklah jurnal, kertas penyelidikan dan buku berkaitan Kerja Sosial. | Bil. Penerbitan | 8 Penerbitan (2 penerbitan setahun) | Meningkatkan pengetahuan warga JKM dan masyarakat. | 2018-2020 | ▪ KS<br>▪ Bahagian Berkenaan. |

| BIL | PROGRAM/AKTIVITI | KETERANGAN PROGRAM | KPI | | *OUTCOME* | TAHUN SASARAN | TANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | INDIKATOR | SASARAN | | | |
| 4. | Kerjasama strategik dengan IPT dalam penganjuran Konferen dan Seminar. | Kerjasama penganjuran konferen dan seminar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. | Bil. Penganjuran | i. Konferen – 2 setahun<br>ii. Seminar – 3 setahun | Meningkatkan pengetahuan warga JKM dan masyarakat. | 2018-2020 | ▪ KS<br>▪ PP<br>▪ Bahagian Berkenaan. |
| 5. | Mewujudkan jaringan kerjasama serantau peringkat pegawai dan fellowship antara negara ASEAN dalam bidang Kerja Sosial. | Melalui Asean Social Work Consortium (ASWC). | Bil. Pegawai | 2 Pegawai Setahun | Program pertukaran pegawai/ kepakaran. | 2018-2020 | ▪ DHA<br>▪ PP |

# TERAS STRATEGIK 3

## PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

## STRATEGI 2

## MEMANTAPKAN MEKANISMA PENILAIAN TERHADAP USAHA-USAHA MENINGKATKAN PROFESIONALISME BIDANG KERJA SOSIAL

**OBJEKTIF:**

1. Menilai keberkesanan program dan aktiviti dalam bidang Kerja Sosial di peringkat jabatan.
2. Membangunkan instrumen penilaian untuk mengukur tahap kompetensi Pekerja Sosial.

## TERAS STRATEGIK 3 : PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

**STRATEGI 2 :** Memantapkan mekanisma penilaian terhadap usaha-usaha meningkatkan profesionalisme bidang Kerja Sosial.

| BIL | PROGRAM/AKTIVITI | KETERANGAN PROGRAM | KPI | | *OUTCOME* | TAHUN SASARAN | TANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | INDIKATOR | SASARAN | | | |
| 1. | Penilaian Outcome program/ latihan berkaitan bidang Kerja Sosial.<br>i. Kursus Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial<br>ii. Kursus Asas Penyeliaan dalam Konteks Kerja Sosial di Organisasi<br>iii. Kursus PAP Model<br>iv. Kursus Kerja Sosial<br>v. Kursus Praktis Kerja Sosial (KPKS)<br>vi. Kursus Teori-Teori Kerja Sosial<br>vii. Diploma Pasca Siswazah Kerja Sosial (DPSKS )<br>viii. Kursus Sijil Eksekutif Praktis Kerja Sosial (SPEKS) | Menilai keberkesanan kursus.<br><br>Mengemukakan cadangan dan penambahbaikan untuk pemurnian kurikulum kursus. | Bil. Penilaian | 8 Penilaian | Mengenalpasti keberkesanan kursus. | 2018 - 2020 | ▪ PP<br>▪ P<br>▪ ISM |
| 2. | Melaksanakan tinjauan kefahaman dan kesediaan pelaksanaan Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial. | Tinjauan terhadap kumpulan pelaksana. | Bil. Tinjauan | 1 tinjauan | Tahap kesediaan kakitangan terhadap pelaksanaan Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial dikenalpasti | 2018 | ▪ PP<br>▪ ISM |

| BIL | PROGRAM/AKTIVITI | KETERANGAN PROGRAM | KPI | | *OUTCOME* | TAHUN SASARAN | TANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | INDIKATOR | SASARAN | | | |
| 3. | Menilai pelaksanaan Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial. | Membangunkan instrumen penilaian.<br><br>Mengenalpasti tahap pelaksanaan Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial. | Bil. Penilaian | 1 Tinjauan | Tahap pelaksanaan Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial dinilai. | 2018 – 2020 | ▪ PP<br>▪ ISM |
| 4. | Penilaian kompetensi PKMD dan Ketua Institusi. | Menilai kebolehan PKMD dan Ketua Institusi dalam melaksanakan Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial | Bil PKMD dan KI | 105 PKMD dan 65 Institusi | PKMD dan KI cekap mengurus tadbir organisasi secara holistik. | 2018-2020 | ▪ PP<br>▪ P |

# TERAS STRATEGIK 4

## PROMOSI DAN ADVOKASI

## STRATEGI 1

## MENINGKATKAN KESEDARAN KEPADA MASYARAKAT TERHADAP USAHA-USAHA MENINGKATKAN PROFESIONALISME BIDANG KERJA SOSIAL

**OBJEKTIF:**

1. Meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai bidang Kerja Sosial sebagai satu bidang profesional.
2. Meningkatkan kesedaran pemegang taruh mengenai bidang Kerja Sosial sebagai satu bidang profesional.

## TERAS STRATEGIK 4 : PROMOSI DAN ADVOKASI

**STRATEGI 1** : Meningkatkan kesedaran kepada masyarakat terhadap usaha-usaha meningkatkan profesionalisme bidang Kerja Sosial.

| BIL. | PROGRAM/AKTIVITI | KETERANGAN PROGRAM | KPI | | *OUTCOME* | TAHUN SASARAN | TANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | INDIKATOR | SASARAN | | | |
| 1. | Melaksanakan Publisiti dan Promosi<br>i. Seminar<br>ii. Persidangan<br>iii. Pameran<br>iv. Hari Kerja Sosial<br>v. Hebahan media perdana dan media sosial | Publisiti dan promosi adalah untuk memberi penerangan dan kefahaman kepada masyarakat. | Bil. program | 13 program / negeri | Memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai peranan dan kepentingan profesion pekerja sosial. | 2018 – 2020 | ▪ PRO<br>▪ DHA<br>▪ PP<br>▪ JKMN<br>▪ ISM |
| 2. | Melaksanakan jerayawara<br>i. RUU Profesion Kerja Sosial<br>ii. Peraturan-Peraturan Kerja Sosial<br>iii. Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial<br>iv. Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial | Jerayawara adalah untuk memberi penerangan dan pemahaman kepada pemegang taruh. | Bil. Jerayawara | Jerayawara mengikut zon (6 zon) | Pemahaman kepada pemegang taruh mengenai usaha meningkatkan profesionalisme Kerja Sosial. | 2018 – 2020 | ▪ DHA<br>▪ PP<br>▪ P |

# TERAS STRATEGIK 4

## PROMOSI DAN ADVOKASI

## STRATEGI 2

## MENGUKUHKAN JARINGAN KERJASAMA MULTI SEKTORAL DALAM BIDANG KERJA SOSIAL

**OBJEKTIF:**

1. Meningkatkan jaringan kerjasama multi sektoral dalam usaha mempromosi dan advokasi bidang Kerja Sosial.
2. Memperluaskan pelaksanaan praktis Kerja Sosial di peringkat multi sektor.

## TERAS STRATEGIK 4 : PROMOSI DAN ADVOKASI
### STRATEGI 2 : Mengukuhkan jaringan kerjasama multi sektoral dalam bidang kerja sosial.

| BIL. | PROGRAM/AKTIVITI | KETERANGAN PROGRAM | KPI | | *OUTCOME* | TAHUN SASARAN | TANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | INDIKATOR | SASARAN | | | |
| 1. | **Memantapkan kerjasama strategik dalam bidang kerja sosial.** | | | | | | |
| | i. MOU/ MOA dengan IPTA. | Kerjasama strategik dalam bidang latihan, pendidikan, penyelidikan dan program. | Bil. MOU/MOA | 5 MOA /MOA | Mengukuhkan kerjasama strategik melalui pertukaran ilmu, pengetahuan dan kepakaran. | 2018-2020 | ▪ PP<br>▪ P<br>▪ ISM |
| | ii. Meluaskan kerjasama strategik dengan sektor swasta. | Kerjasama telah diwujudkan melalui program Job Coach, dengan pihak swasta. | Bil. pihak swasta | 8 pihak swasta | Jaringan komplimentari dengan sektor swasta. | 2018-2020 | ▪ JPOKU<br>▪ WE<br>▪ KK<br>▪ K<br>▪ KP<br>▪ PKM |
| | iii. Meluaskan kerjasama strategik dengan pemain industri | Kerjasama dengan rakan media, MAKPEM, MPKSM, Orphancare, MASW, MERCY, IRM, YKN dll. | Bil. Kerjasama | Sepanjang tahun | Jaringan komplimentari dengan pemain industri. | 2018-2020 | ▪ PP<br>▪ DHA<br>▪ P<br>▪ Semua Bahagoan Sektor Operasi |

| BIL. | PROGRAM/AKTIVITI | KETERANGAN PROGRAM | KPI | | *OUTCOME* | TAHUN SASARAN | TANGGUNG JAWAB |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | INDIKATOR | SASARAN | | | |
| | iv. Meluaskan kerjasama strategik dengan agensi-agensi lain | Kerjasama dengan pihak PDRM, KKM, Pej. Daerah, Jab. Penjara, JPN, AADK, UNICEF, KPM, JPK, JPAM, NADMA, PBT, Bomba dan Penyelamat, Jab. Agama, dll. | Bil. Kerjasama | Sepanjang tahun | Jaringan komplimentari antara agensi. | 2018-2020 | ▪ PP<br>▪ DHA<br>▪ P<br>▪ Semua Bahagoan Sektor Operasi |
| | v. Meluaskan kerjasama strategik dengan Pemimpin Tempatan | Kerjasama dengan pihak Penghulu, Penggawa, JKKKP, ADUN, ahli Parlimen, JAPERUN, dll. | Bil. Kerjasama | Sepanjang tahun | Jaringan komplimentari dengan pemimpin tempatan. | 2018-2020 | ▪ Semua Bahagoan Sektor Operasi |

# PENUTUP

Pelan Strategik Kerja Sosial 2018-2020 merupakan pemangkin kepada usaha-usaha meningkatkan profesionalisme bidang Kerja Sosial di Malay sia selaras dengan Pelan Strategik JKM 2016-2020. Pelan ini juga akan membantu jabatan dalam memperkasakan masyarakat yang memerlukan ke arah peningkatan kesejahteraan sosial. Usaha ini perlulah disokong dengan komitmen semua warga JKM dengan mengembeling semua sumber dan tenaga. Berbekalkan strategi-strategi yang telah digariskan, pemantauan dan penilaian yang berterusan perlu dilakukan bagi memastikan kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik Kerja Sosial. Pelan Strategik ini juga akan dijadikan sebagai rangka kerja kepada pihak pengurusan atasan JKM bagi mencapai visi, misi dan objektif JKM.

Jabatan KEBAJIKAN Masyarakat
Berkat Berjasa

**Jabatan Kebajikan Masyarakat**
Aras 6, 9-18, No 55, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya

+603 8323 1656 / +603 8323 1658
+603 8323 2094
facebook.com/pages/JKMHQ
twitter@JKMHQ
instagram@jkmhq

www.jkm.gov.my

9 789671 478240